

Bil. S 39

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2003

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pindaan bab 2 dari Perlembagaan III.
4. Pindaan Penggal 4.
5. Pindaan Penggal 152.
6. Pindaan S 1/83.
7. Kuasa-kuasa yang membolehkan.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan), 2003 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April, 2004.

Tafsiran.

2. Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, dan semua undang-undang bertulis yang lain hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin perlu untuk membawanya menepati Perintah ini.

Pindaan bab 2 dari Perlembagaan III.

3. Bab 2 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam takrifan "tahun kewangan", dengan memotong "Disember" dan menggantikannya dengan "Mac".

Pindaan Penggal 4.

4. Bab 3 dari Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda, dalam takrifan "tahun kewangan" dalam ceraiian (1), dengan memotong "Disember" dan menggantikannya dengan "Mac".

Pindaan Penggal 152.

5. Bab 2 dari Akta Audit adalah dipinda, dalam takrifan "tahun kewangan", dengan memotong "Disember" dan menggantikannya dengan "Mac".

Pindaan S 1/83.

6. Peraturan 39 dari Peraturan-Peraturan Kewangan adalah dipinda dengan memotong "Disember" dan menggantikannya dengan "Mac".

Kuasa-kuasa yang membolehkan.

7. Menteri boleh memberi arahan sama ada dalam suatu perkara tertentu atau dalam jenis atau perihalan perkara yang ditentukan atau pada amnya, sebagaimana yang mungkin pada pendapatnya diperlukan atau mustahak untuk menghadapi sebarang kesulitan yang berbangkit dari pengertian Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 7 haribulan Jun, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM